

09/03/1999

Litar Sepang bergegar malam ini

Saufi Hamzah

IMPIAN yang begitu lama ditunggu-tunggu sudah tiba apabila Litar Sepang akan dirasmikan pembukaannya hari ini sekali gus menjadi mercu tanda kepada sukan bermotor terutama perlumbaan Formula Satu yang bakal dikenali di seluruh dunia.

Upacara perasmian litar yang bernilai kira-kira RM286 juta itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka bermula jam 7.45 malam ini.

Sudah pasti upacara gilang-gemilang itu bakal mencatat satu lagi sejarah di negara ini memandangkan Litar Sepang terpilih menjadi salah satu gelanggang bagi perlumbaan Kejohanan Formula Satu (F1) Dunia, musim ini.

Kemuncak majlis ialah kemunculan juara dunia, Mika Hakkinen yang akan mengiringi Dr Mahathir untuk menyempurnakan upacara perasmian litar yang dibina di atas kawasan seluas 260 hektar itu.

Selain Hakkinen, pemenang Grand Prix Australia, Eddie Irvine dari Britain dan pemandu Sauber Petronas, Jean Alesi juga membuat kemunculan khas malam ini.

Pembukaan rasmi Litar Sepang sepanjang 5.542 kilometer berkenaan, berupaya menonjolkan keupayaan Malaysia membina gelanggang bertaraf dunia dan dalam masa yang sama menganjurkan perlumbaan berprestij seperti F1 dan Kejohanan Grand Prix Motosikal Dunia.

Setakat ini, umumnya litar itu sudah awal-awal lagi mendapat pengiktirafan sebagai yang terbaik dunia dan menjadikan imej negara semakin dihormati serta dianggap antara pendokong berpengaruh dalam perlumbaan sukan motor.

Litar ini dibina bermula September 1997 dan siap sepenuhnya akhir tahun lalu.

Sebelum ini, litar itu menganjurkan perlumbaan sulung tempatan iaitu Proton 300KM Antarabangsa Merdeka pada 11-13 Disember lalu.

Litar Sepang yang dilengkapi pelbagai teknologi canggih, seharusnya berbangga kerana keunikan grand stand berkembar yang tidak terdapat di mana-mana litar seluruh dunia.

Tempat duduk itu mampu memuatkan kira-kira 30,000 penonton manakala 100,000 orang boleh menyaksikan perlumbaan di tempat duduk semula jadi terutama di selekoh yang terdapat di litar.

Perasmian malam itu turut dimeriahkan dengan pertunjukan bunga api, laser, stunt, dan perarakan kereta F3.

Sementara itu, di sebelah petang sebelum perasmian, acara lain seperti pameran kereta, sesi autograf dan fotografi pemandu F1, dan perarakan motosikal juga diadakan.

Majlis perasmian yang dijangka tamat kira-kira 11 malam itu diserikan dengan persembahan konsert daripada artis tempatan.

(END)